

BERITA HARIAN

DATE: 23/01/2008

# Pak Lah arah ahli Umno selesai tugas

BH-23/1/2008

## Jentera parti patut perjelas usaha kerajaan

Oleh Azman Zakaria  
dan Norfatimah Ahmad

**K**UALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengarahkan ahli dan pemimpin Umno di semua peringkat menunaikan tanggungjawab di kawasan masing-masing dengan melaksanakan tugas sekiranya ada yang belum selesai.

Perdana Menteri yang juga Presiden Umno turut mengingatkan ahli Umno tidak leka dengan kejayaan yang dicapai negara, sebaliknya mesti terus bekerja keras bagi menghadapi saingan semakin mencabar.

Peringatan itu antara perkara disentuh Abdullah dalam Majlis Penerangan Bersama Presiden Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, semalam.

Beberapa pemimpin ditemui selepas perjumpaan tertutup itu mem-

beritahu, Abdullah juga meminta ahli parti turun ke padang menerangkan kepada rakyat mengenai isu semasa supaya tidak dimanipulasi parti pembangkang menjelang pilihan raya umum akan datang.

Beliau juga mahu ahli parti menjelaskan kepada rakyat mengenai usaha yang sudah dan sedang dijalankan kerajaan dalam meringankan beban perbelanjaan rakyat, termasuk pemansuhan yuran sekolah dan pemberian buku teks percuma agar tiada pelajar tercicir, selain langkah kawalan harga barang.

Mereka juga berkata, Perdana Menteri menjelaskan kerajaan mengeluarkan sejumlah wang yang besar untuk subsidi petrol dan dalam memastikan rakyat negara ini menikmati pelajaran sekurang-kurangnya sehingga ke tingkatan lima.

Abdullah kata mereka, meminta rakyat supaya mengamalkan sikap

berjimat dan tidak membazir termasuk dalam penggunaan elektrik dan air kerana pembaziran bererti kehilangan wang.

Perdana Menteri juga mahu ahli Umno meletakkan kepentingan parti melebihi kepentingan peribadi dengan menyokong mana-mana calon yang dipilih pucuk pimpinan.

Perkara lain yang dibangkitkan dan diberi penjelasan Perdana Menteri termasuk isu jenayah dan keselamatan.

Mereka berkata, Perdana Menteri menjelaskan dalam menangani perkara itu, kerajaan akan menambah bilangan pegawai dan anggota polis serta membenarkan Polis Diraja Malaysia (PDRM) menyewa unit rumah kedai di sesebuah pekan untuk dijadikan balai polis.

Pengagihan pembangunan seimbang antara kawasan juga dilaksanakan.